

08/02/1998

Mabuk politik lebih parah daripada tadi

A Nazri Abdullah

BERMACAM-macam nasihat dan arahan dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi dan pemimpin Umno bagi mengekang politik wang dan politik jatuh-menjatuh di cawangan dan bahagian, tetapi nampaknya semua nasihat ini masuk telinga kiri keluar telinga kanan. Sepanjang bulan Ramadan yang lalu bermacam-macam nasihat dan "fatwa" dikeluarkan sehingga ahli Umno tidak boleh bersedekah, tidak boleh buat jamuan buka puasa, moreh, sahur dan rumah terbuka. Kalau kita analisis semua arahan dan nasihat ini, kesimpulannya amat memalukan. Ahli Umno bukan sahaja tidak ikhlas, malah sudah hilang harga diri dan maruah. Lebih buruk lagi mereka juga sudah hilang sifat-sifat kemanusiaan kerana bertelinga badak.

Arahan Majlis Tertinggi supaya calon yang hendak bertanding di peringkat bahagian bermusyawarah bukanlah bermakna demokrasi dalam Umno sudah mati. Pertandingan tidak diharamkan cuma yang diharapkan oleh pucuk pimpinan parti ialah barisan pemimpin peringkat bahagian menunjukkan kematangan berpolitik bagi mengurangkan ketegangan kerana parti akan menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi. Apa gunanya pertandingan sekiranya bahagian berpecah belah dan akhirnya calon yang menang jawatan parti tewas dalam pilihan raya umum.

Beberapa bahagian di Kedah, Kelantan dan Terengganu nampaknya sudah sampai ke tahap berkerat rotan berpatah arang. Ada calon yang berikrar akan bertanding walaupun dapat dua undi. Ada yang kali pertama menjadi wakil rakyat terus dilantik menjadi Exco dan diberi laluan pula menjadi Ketua Pemuda, tiba-tiba bercita-cita besar untuk menjadi ketua bahagian. Bahagian yang dulunya aman damai kini menjadi porak peranda kerana ada seorang dua yang mabuk politik. Sebagai pemimpin mereka sepatutnya membimbing dan mententeramkan pengikut, tetapi apa yang berlaku mereka pula yang menjadi kepala membakar semangat pengikut supaya menentang orang itu dan ini.

Mereka terlupa bahawa kemenangan mereka dalam pilihan raya yang lalu adalah kerana kekuatan parti. Tanpa sokongan semua cawangan, mereka tidak akan bergelar wakil rakyat dan dilantik menjadi Exco. Mereka terlupa bahawa kemenangan mereka dalam pilihan raya umum lalu hanyalah beberapa ratus undi sahaja dan sekiranya perebutan jawatan bahagian membawa perpecahan dan pulau memulau di antara satu sama lain, maka tidak mustahil Umno akan kehilangan beberapa kerusi dalam pilihan raya akan datang. Pucuk pimpinan, khususnya Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyedari keadaan ini. Beliau melihat jauh ke hadapan padah yang bakal dihadapi oleh Umno sekiranya perebutan jawatan bahagian membawa perpecahan. Malangnya pemimpin di peringkat bahagian yang mabuk politik dan jawatan hanya memikirkan kepentingan diri sendiri sehingga sanggup mengorbankan perpaduan parti.

Perasaan tidak puas hati wujud di setiap bahagian, tetapi jika dibendung dari awal dan diajak bermusyawarah, sebarang rasa terkilan dan kecil hati boleh dipadamkan. Perasaan ini akan merebak menjadi konflik dan permusuhan jika kepemimpinan bahagian mengambil sikap keakuan dan berpuak-puak. Apabila ketua bahagian tidak boleh duduk semeja dengan timbalan ketua dan naib ketua, maka perpecahan di peringkat bawahan tentulah lebih parah lagi. Kalau pemimpin hanya sekadar menyindir, pengikut sanggup memfitnah dan memaki hamun. Apabila hal seperti ini dilayani maka perasaan marah akan menguasai keputusan dan sebab itulah ada calon yang sanggup bertanding walaupun dapat dua undi.

Pengembalian semula mereka yang sepatutnya pencen daripada politik dalam pemilihan bahagian tentulah menggamatkan lagi politik bahagian. Ada bekas ahli politik yang tidak diterima di bahagiannya sanggup bertukar cawangan masuk bahagian lain semata-mata untuk menjadi ketua. Orang seperti ini tidak sepatutnya dilayan kerana beliau bukannya memikirkan kepentingan parti tetapi diri sendiri. Mereka yang menyokongnya, yang sanggup memecat ahli jawatankuasa bahagian semata-mata kerana hendak memberi laluan kepada orang seperti ini berkuasa di bahagiannya, pun patut ditentang dan dikenakan tindakan disiplin.

Kita tidak lagi bercakap soal idealisme perjuangan Umno, soal nasionalisme Umno dan soal maruah bangsa dan negara. Kalau di peringkat bahagian sudah mabuk politik, mabuk jawatan, di manakah letaknya maruah dan idealisme perjuangan Umno? Kita perlu sedar, mabuk politik lebih parah daripada mabuk kerana todi. Orang yang mabuk kerana todi masih kenal kawan, masih kenal erti penat. Kalau pun teruk sangat dia terbaring dan tidur. Tapi orang mabuk politik tidak pernah kenal erti penat, pukul tiga pagi boleh ajak pengikut minum teh tarik kutuk orang itu orang ini. Orang mabuk politik bukan sekadar cakap merapu, tetapi sanggup tabur fitnah, buat surat layang dan maki hamun orang lain. Lebih teruk lagi orang mabuk politik sanggup bersekongkol dengan musuh untuk menikam kawan sendiri. Dalam Umno ramai yang mabuk politik dan cabaran utama Umno pada alaf akan datang ialah bagaimana menukar mereka yang mabuk politik menjadi ahli parti yang siuman.

(END)